



RAJA Zalina Raja Kadir, 34, menjual petai semasa ditemui di tepi jalan Kuantan-Maran berdekatan pekan Gambang. Menurut Raja Zalina, dia bersama suami Zaidi Yusuf, 42, menjual petai sejak sebulan lalu setelah suaminya kehilangan punca pendapatan sebagai pemandu bas sekolah sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). — Bernama

Pengorbanan tangga kejayaan

HIDUP ini perlukan pengorbanan', itu kata-kata sering kita dengar. Setiap yang bernyawa pasti melalui situasi yang memerlukan pengorbanan demi kelangsungan hidup.

Kadangkala pengorbanan yang perlu dilakukan bukan kepalang dan pedih untuk dihadapi. Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul. Walau seberat mana pun ujian Allah SWT, kita perlu ingat setiap yang berlaku pasti ada hikmahnya.

Pengajaran Kisah Nabi Ibrahim AS

Setinggi mana pun pengorbanan yang perlu anda lakukan, sudah pasti tidak sehebat pengorbanan yang perlu dilakukan oleh Nabi Ibrahim AS. Jika kita dapat merujuk pengajaran daripada Aidiladha baru-baru ini.

Kalau diperhatikan Nabi Ibrahim AS tidak memiliki anak sehingga dikatakan berusia 89 tahun, lalu dikurniakan anak-anak bernama Ismail dan Ishak, tiba-tiba diarahkan untuk ditinggalkan isterinya Sayidatina Hajar dan anaknya, Ismail di padang pasir Makkah yang kering kontang.

Setelah Ismail meningkat remaja, Allah SWT menguji lagi Nabi Ibrahim dengan memerintah agar menyembelih anak kesayangannya itu. Biarpun sangat kasih akan Ismail, Nabi Ibrahim AS patuh dengan perintah Allah dan sanggup berkorban.

Namun, Allah akhirnya menggantikannya dengan kibas. Jadi pengajaran daripada kisah ini, tuntutan dan keikhlasan dalam membuat pengorbanan mesti ada dan diterapkan dalam setiap jiwa kita.

Pengorbanan Setiap Masa

Dalam kehidupan seharian, kita juga perlu ikhlas dalam melakukan setiap perkara. Jangan suka mengungkit perkara yang dilakukan. Jika anda sudah berkahwin dan mempunyai anak-anak kecil yang perlu dijaga, mungkin anda perlu mengorbankan kerjaya bagi memastikan kebajikan anak-anak terjaga.

Jangan anggap pengorbanan anda itu sia-sia kerana besar pahala yang menunggu anda di akhirat nanti. Begitu juga pengorbanan yang perlu dilakukan demi kesihatan ibu dan ayah.

Mungkin anda perlu korban masa dan wang ringgit untuk memastikan ibu dan bapa mendapat rawatan yang terbaik.

Jangan mengeluh kerana itu semua ujian daripada Allah SWT. Allah SWT mahu melihat sejauh mana ketaatan kita kepada-Nya.

Tuntutan Pengorbanan Semasa Covid-19

Rakyat dituntut mengubah cara hidup dan membuat pengorbanan

dengan tidak lagi mengharapkan imbuhan pada nilai sama kerana penularan Covid-19 membawa impak

kepada ekonomi negara. Sesetengah pekerjaan tidak dapat berharap dibayar gaji sama seperti sebelum Covid-19 melanda negara. Ini kerana komitmen semasa perintah kawalan pergerakan



SITI Rokiah Hassan, 80, dibantu anaknya Mohd Amirul Iqwan, 36, menuang santan ke dalam buluh yang berisi beras pulut sebelum membakarnya di gerai FAMA, Pasar Tani Kekal, (PAKAR) Paroi. — Bernama

sudah berkurang atau terbatas.

Berkorban Pulihkan Ekonomi Hidup

Apabila kita semua sanggup berkorban dan berjaya memerangi isu Covid-19 serta masalah lain yang melanda negara sekarang, wujudnya peluang pekerjaan baharu yang dapat dijadikan sumber pendapatan buat pekerja terjejas.

Ada pekerjaan yang dihentikan seketika pada masa ini kerana tiada permintaan dan majikan tidak dapat menggaji lebih ramai pekerja kerana pada masa ini mereka tidak membuat sebarang keuntungan.

Ubah Cara Hidup

Kesan pandemik Covid-19 dan lain-lain yang melanda negara malah dunia. Disebabkan kita kena ubah cara hidup, kita tidak lagi dapat berharap mengamalkan gaya hidup seperti dahulu lagi, yang sebelum ini memerlukan wang seperti menanam sendiri sumber sayuran dan menternak sendiri sumber ayam serta ikan kepada yang ada kemudahan di rumah masing-masing

dengan cara yang kreatif.

Kurangkan aktiviti yang memerlukan wang, utamakan keperluan tanggungan anda. Bahkan, anda dapat meneruskan kelang-sungan hidup dengan nilai gaji lebih rendah.

Ini bermakna anda bukan sahaja dapat meneruskan kehidupan, tetapi majikan juga tidak tertekan membayar gaji anda dengan kadar yang sama lagi. Dinasihatkan yang terjejas akibat wabak Covid-19 supaya tidak putus harapan.

Kesimpulan

Tidak mendatangkan apa-apa keuntungan jika kita terus menyalahkan orang lain. Lebih baik kita kenal pasti apa-apa yang menyerang kita dan berusaha mencari jalan mengatasinya. Sudah pasti pengorbanan dilakukan mencapai kejayaan kelak.



Kata Kaunselor

Pensyarah Kaunseling UNIMAS